

## **SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2020**

### **A. SEMAKAN STATUS RAYUAN DAN PEMBAYARAN BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2020**

1. **S: Bagaimanakah cara untuk saya membuat semakan status kelulusan Rayuan BSH 2020?**

J: Tuan boleh membuat semakan status kelulusan Rayuan BSH 2020 seperti berikut:

i. **Portal Rasmi BSH** (<https://bsh.hasil.gov.my>)

a) **Semakan tanpa Id Pengguna dan Kata Laluan**

Pilih **Menu Semakan Status Permohonan** dan masukkan Nombor MyKad bagi semakan asas kelulusan seperti berikut:

- Lulus
- Tidak Lulus
- Maklumat Bayaran

b) **Semakan menggunakan Id Pengguna dan Kata Laluan**

Log Masuk Menu MyBSH bagi semakan terperinci Kelulusan, Amaun kelulusan dan Maklumat Pembayaran

ii. **Talian Hotline BSH 1-800-88-2747**

2. **S: Saya telah membuat semakan dan berstatus Lulus Rayuan BSH 2020. Status Kredit adalah Dalam Proses Pengkreditan. Bilakah bantuan berkenaan akan dikreditkan ke akaun saya?**

J: Pembayaran Rayuan dalam proses pengkreditan ke akaun tuan dan semakan status pengkreditan di akaun bank tuan boleh dibuat mulai 23 November 2020.

3. **S: Saya telah membuat semakan dan berstatus Lulus Rayuan BSH 2020. Status kredit adalah Penunaian. Apakah yang perlu saya lakukan untuk mendapatkan bayaran Rayuan berkenaan?**

J: Pembayaran Rayuan tuan adalah secara penunaian di kaunter BSN. Tuan boleh menyemak Nombor Siri Penunaian di Portal Rasmi BSH mulai 23 November 2020. Sekiranya Nombor Siri Penunaian wujud, Tuan boleh hadir ke BSN dengan membawa MyKad asal bagi penunaian.

4. **S: Semakan mendapati Rayuan saya telah diluluskan dan Status Kredit adalah Penunaian. Adakah saya akan menerima Surat Makluman Lulus Rayuan bagi tujuan penunaian?**
- J: Surat Makluman Lulus Rayuan akan dikeluarkan kepada pemohon. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penunaian rujuk jawapan bagi Soalan No.3.
5. **S: Semakan mendapati Permohonan Rayuan saya berstatus Tidak Lulus. Adakah saya boleh mengemukakan semula dokumen sokongan yang diperlukan bagi membolehkan rayuan saya dipertimbangkan semula?**
- J: Sekiranya Permohonan Rayuan tuan telah diproses dan tidak lulus, rayuan semula dengan mengemukakan dokumen sokongan adalah tidak dibenarkan. Ini kerana kelulusan Rayuan BSH 2020 adalah MUKTAMAD.